

# Cagamas muktamad bon, sukuk RM1.3 bilion

**Cagamas** Bhd mengumumkan penetapan harga bon dan sukuk bernilai RM1.3 bilion, dalam situasi pasaran yang suram berikutan kebanyakan pelabur masih tidak memasuki pasaran menjelang mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Rizab Persekutuan (FOMC) Amerika Syarikat (AS).

Dalam kenyataan pada Rabu, perbadanan gadai janji nasional itu menjelaskan, hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk mendanai pembelian aset kemampunan yang layak, pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah daripada sistem kewangan domestik.

Ia menambah, bon dan sukuk itu meliputi Sukuk Pelaburan Kemampunan dan Bertanggungjawab (SRI) ASEAN berjangka tiga tahun bernilai RM200 juta, Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) berjangka dua tahun bernilai RM330 juta, CMTN Islam bertempoh dua tahun pada RM200 juta, Kertas Komersial Konvensional tiga bulan RM300 juta dan Nota Jangka Sederhana (MTN) euro berkadar tetap dua tahun bernilai S\$100 juta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong, berkata CMTN ditetapkan

harga menerusi proses penetapan harga berdasarkan penilaian terhadap permintaan pelabur manakala terbitan lain dimuktamadkan melalui tawaran persendirian.

“Kejayaan penetapan harga bagi terbitan itu menandakan bahawa kertas-kertas Cagamas kekal berdaya tahan walaupun berlaku ketidakpastian dalam pasaran,” katanya dalam kenyataan yang sama.

Beliau berkata, terbitan terbaru itu menjadikan terbitan agregat Cagamas bagi tahun ini sehingga kini berjumlah RM4.3 bilion.

Menurut Cagamas, bon dalam denominasi dolar Singapura, yang diterbitkan melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Cagamas Global PLC dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas.

Terbitan dalam denominasi ringgit, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, merupakan obligasi tidak bercagar perbadanan itu, pada kedudukan sama rata dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain di bawah Cagamas.



*Chung Chee Leong*